

02 JAN 1998

YONG ALU-ALUKAN LANGKAH GHAPUR KEMBALI BERTUGAS

KOTA KINABALU, 2 Jan (Bernama) -- Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee hari ini mengalu-alukan berita yang mengatakan Datuk Ghapur Salleh telah membuat keputusan untuk kembali bertugas sebagai Timbalan Ketua Menteri dan Menteri Kewangan.

"Saya mengalu-alukan beliau kembali ke "pasukan" dan saya mempunyai keyakinan penuh keupayaannya untuk melaksanakan tugas tersebut," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Ghapur juga menarik balik peletakan jawatannya sebagai timbalan pengerusi jawatankuasa perhubungan Umno negeri, selepas beliau bertemu dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur hari ini.

Ghapur pada 13 Dis lalu di Tawau mengumumkan peletakan jawatannya dengan memberi sebab peribadi dan kegagalan melaksanakan tugasnya sebagai anggota kabinet negeri.

Hari ini, Yong yang juga pengerusi Barisan Nasional negeri berkata sebagai anggota kanan kabinet negeri dan pemimpin yang berpengalaman, khidmat Ghapur masih diperlukan. --BERNAMA

KG RI